



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS HARI POTENSI TABIKA KEMAS
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017

UTEM AYER KEROH, MELAKA

22 OKTOBER 2017 (AHAD)
WAKTU KETIBAAN : 9.25 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Idris bin Haron,
Ketua Menteri Melaka;

YTM Raja Dato' Seri Yong Sofia binti Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Magfur-Lah

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kids Athletic,
Kesatuan Olahraga Malaysia,
Yang Berbahagia, Datuk Borhan Dolah,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;

Yang Berhormat Datuk Hasan Bin Abdul Rahman
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Rambai, Melaka

Yang Bhg. Dato' Amiruddin bin Ariffin,
Ketua Pengarah KEMAS Malaysia;

Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan Ahli Jawatankuasa TABIKA, ibu bapa serta kanak-kanak yang diraikan sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah sempena Hari Potensi Tabika KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 pada pagi ini.

2. Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Jabatan KEMAS di atas kejayaan menganjurkan Hari Potensi Tabika KEMAS Tahun 2017. Syabas juga saya ucapkan kepada semua kanak-kanak Tabika KEMAS yang telah menyertai Hari Potensi pada tahun ini dari peringkat parlimen, daerah, negeri dan kebangsaan. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama terutamanya kepada ibubapa/penjaga, ahli jawatankuasa Tabika, Jabatan, agensi-agensi kerajaan dan orang perseorangan. Semoga

kerjasama ini diteruskan pada masa yang akan datang untuk kebaikan anak-anak yang kita kasahi.

3. Saya merasa amat bangga dan gembira kerana pada hari ini bukan sahaja kanak-kanak Tabika yang mewakili negeri masing-masing berada di UTEM Melaka ini, tetapi juga para ibu bapa yang datang jauh dari seluruh pelusuk negara semamata untuk bersama-sama meraikan dan menyaksikan kehebatan anak-anak masing-masing beraksi di gelanggang sukan sempena Hari Potensi pada kali ini.

4. Sesungguhnya saya merasa kagum melihat kebolehan kanak-kanak Tabika KEMAS menampilkan aksi dan potensi diri dengan penuh keyakinan. Sudah pasti ucapan terima kasih diucapkan kepada Pemaju Masyarakat atau guru-guru Tabika, para ibu bapa dan ahli jawatankuasa Tabika yang telah berjaya menggilap potensi mereka dengan cemerlang. Teruskan usaha ini, bimbing dan asuhlah anak-anak kita dengan penuh kasih sayang. Semoga usaha murni ini akan berkekalan serta mencapai objektif yang diharapkan. Merekalah Inilah yang akan menjadi pewaris bangsa dan negara pada masa akan datang.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Kepentingan Sukan Kepada Anak-anak Tabika

5. Pertumbuhan kanak-kanak seharusnya dikembangkan dengan pelbagai potensi dan tidak sewajarnya terhad dalam aspek pencapaian akademik semamata. Tidak dinafikan, pencapaian dan kecemerlangan akademik sangat penting. Namun, membekalkan mereka dengan pembinaan sahsiah peribadi serta memberikan peluang kepada mereka menggilap potensi dan bakat terutama dalam sukan yang digemari amatlah digalakkan. Tahniah diucapkan kepada KEMAS kerana pada saban tahun berjaya mengilap bakat dan potensi kanak-kanak kita melalui penganjuran Hari Potensi ini.

6. Sukan merupakan kegiatan yang memerlukan kemahiran, ketangkasan serta tenaga, samada sebagai acara pertandingan, hiburan, aktiviti masa lapang ataupun untuk beriadah. Sukan bukan sahaja penting bagi melahirkan seorang kanak-kanak yang sihat, menguatkan otot dan tulang, tetapi juga dapat membentuk kanak-kanak menjadi seorang yang berfikiran positif, rasional dan berkeyakinan tinggi.

7. Malah melalui aktiviti sukan ini juga aspek psikomotor kanak-kanak yang melibatkan beberapa prinsip asas seperti kekuatan, kelenturan, daya tahan kardiovaskular dan otot, ketangkasan, kepantasan dan kelajuan akan dapat dipertingkatkan. Semoga melalui aktiviti ini kita akan dapat melahirkan anak-anak yang berdisiplin tinggi, tabah serta berani.

8. Harapan kita agar melalui acara sukan ini, bakat kanak-kanak kita ini akan terus dapat digilap dan semoga akan lahir atlit yang berjaya mengharumkan nama negara dalam bidang sukan. Pastinya kejayaan kanak-kanak adalah hasil dorongan dan sokongan semua pihak terutamanya para ibu bapa.

9. Apatah lagi kita baru sahaja selesai menjadi tuan rumah kepada suatu acara sukan terbesar di Asia Tenggara iaitu Sukan SEA pada 19 hingga 31 Ogos dan sukan para ASEAN pada 17 hingga 23 September yang lepas. Kejayaan kita menjuarai sukan SEA dengan mencapai 145 pingat emas melebihi sasaran 111 pungutan pingat emas sudah tentu menjadi pembakar semangat kepada anak-anak kita yang masih kecil dan muda ini untuk terus cemerlang di bidang sukan. Melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

MENDEPANI PELAN TRANSFORMASI LUAR BANDAR DAN MENYANTUNI PENDIDIKAN ALAF BARU

10. Sejarar dengan aspirasi menjadikan Tabika KEMAS sebagai pilihan utama ibubapa, KEMAS telah memberi nilai tambah kepada silibus pembelajaran sedia ada dengan merangka tiga modul iaitu Penghayatan Pendidikan Islam (PPI), Pemupukan Semangat Patriotik dan Modul Keyakinan Diri.

11. Hasrat KEMAS ini juga selari dengan Plan Transformasi Luar Bandar di bawah Fokus Ke-5 iaitu meningkatkan pembangunan modul insan yang cemerlang ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 manakala melalui Transformasi Ke-10 iaitu menambahbaik silibus pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Harapan saya agar transformasi yang di bawa ini akan mampu meningkatkan lagi kualiti dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam sektor Pendidikan Awal Kanak-kanak di negara kita seterusnya merupakan suatu dorongan kepada para ibu bapa agar menjadikan TABIKA KEMAS sebagai pilihan utama ibu bapa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PERANAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

12. Selaku Menteri yang terlibat secara langsung dalam memberikan Pendidikan Awal Kanak-Kanak melalui KEMAS, Saya amat berbesar hati dan mengalu-alukan penglibatan Ibu bapa dalam program Hari Potensi ini. Proses pendidikan seseorang bermula sebaik sahaja ia dilahirkan. Mereka ibarat kain putih yang menjadi tanggungjawab kita untuk mewarna, mencorak dan melenturkannya. Mereka adalah anugerah dan amanah dari **Allah SWT** yang perlu dijaga sebaik-baiknya.

13. Pada asasnya, pembelajaran bermula dari rumah itu sendiri dan dengan itu ibu bapa merupakan pendidik pertama bagi seorang anak. Oleh itu, ibu bapa perlu menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan anak-anaknya agar mereka dibesarkan dalam suasana yang penuh kasih sayang dan harmoni. Luangkan lah masa yang berkualiti bersama anak-anak, bermain dan rangsang daya kreativiti mereka untuk meningkatkan lagi daya imaginasi mereka.

ANUGERAH KANAK-KANAK CEMERLANG

14. Seajar dengan program potensi yang dilaksanakan KEMAS pada setiap tahun ini, iaitu turut mencari dan mengiktiraf kanak-kanak yang cemerlang dari segi sahsiah dan akademiknya menampakkan indah akan susunan dan perancangan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam setiap program bagi menzahirkan insan-insan yang berketrampilan dan berwibawa sebagai pelapis negara. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Kanak-kanak cemerlang setiap negeri yang menerima anugerah mereka pada hari ini. Andalah contoh generasi yang menjadi tauladan kepada rakan-rakan yang lain, Kami doakan semoga kejayaan anak-anak pada hari ini akan memberikan inspirasi untuk mereka terus maju sehingga dewasa kelak. Ingatlah anak-anak sekalian, kesempurnaan dalam pendidikan mampu menjadikan kita sempurna dalam kehidupan. Hormatilah guru, ibu bapa serta orang lebih tua dan semoga kehidupan anak-anak akan sentiasa diberkatinya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENINGKATAN KELULUSAN AKADEMIK DAN SKIM JAWATAN PEMAJU MASYARAKAT (GURU) TABIKA

15. Pendidikan awal kanak-kanak akan menyediakan generasi akan datang mempunyai daya ketahanan untuk menghadapi cabaran dari aspek fizikal dan mental serta membina daya intelek. Pembangunan secara terancang akan membolehkan mereka membesar secara holistik, dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran serta membesar sebagai rakyat yang berilmu juga memiliki nilai-nilai murni sehingga mampu menghadapi saingan dan cabaran globalisasi. Justeru, Pemaju masyarakat atau Guru Tabika KEMAS hendaklah mempunyai wawasan unggul, berpemikiran aras tinggi dan kritis, berkeupayaan berkomunikasi serta mempunyai keyakinan sendiri.

16. Mendasari hakikat itu, maka Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS akan sentiasa diperkasakan melalui program latihan pemantapan tahap profesionalisme secara berterusan. Kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak secara Kursus Dalam Cuti (KDC) kepada guru-guru Tabika telah dimulakan sejak tahun 2006 lagi, Kos pengajian mereka ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Hasilnya sehingga kini guru Tabika dan Taska PERMATA KEMAS mempunyai kelulusan

Diploma dengan jawatan gred S29 telah melebihi 6000 orang iaitu hampir 60% dari bilangan keseluruhan pemaju masyarakat Tabika dan Taska PERMATA KEMAS.

ANUGERAH PEMAJU MASYARAKAT TABIKA INOVATIF KEMAS

17. Di kesempatan ini kepada guru yang memenangi Anugerah Pemaju Masyarakat Tabika Inovatif KEMAS sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas. Sesungguhnya anugerah ini menggambarkan akan pengiktirafan dan menghargai sumbangan puan yang telah berusaha gigih, berkorban dan memberikan komitmen berterusan demi untuk pembinaan modal insan yang unggul dan berkualiti. Sebagai guru Tabika anda telah melaksanakana tugas yang mulia dalam mendidik anak-anak bangsa dengan penuh dedikasi. Terima kasih dan tahniah diucapkan. Semoga anugerah ini akan menjadi pemangkin semangat kalian untuk terus berjihad dan mempergiatkan usaha dalam mendidik dan membangunkan anak bangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENINGKATAN KUALITI PREMIS DAN KEMUDAHAN PEMBELAJARAN

18. Dalam memastikan anak-anak kita di luar bandar terus menerima akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan kondusif, maka peruntukan besar disalurkan oleh kerajaan melalui KEMAS. Sehingga kini KEMAS mempunyai sebanyak **11,215 buah kelas** dengan kanak-kanaknya seramai **220,430 orang kanak-kanak**. Kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk membaikpulih,penyelenggaraan bangunan sedia ada, pembelian perabot, peralatan serta alat pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan nilai peruntukan melebihi RM130 juta, agar anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan yang kondusif, selamat, selesa dan proses pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan, menyeronokkan serta dapat merangsang pertumbuhan dan perkembangan potensi mereka ke tahap yang optimum.

KESELAMATAN TABIKA

19. Di samping itu juga, pada sepanjang masa kita memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan di TABIKA menjadi keutamaan agar tiada sebarang perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Menjadi keutamaan Kementerian untuk memastikan setiap premis yang melibatkan aktiviti pendidikan dan sebagainya dilengkapi asas-asas keselamatan. Oleh itu bermula tahun 2016 lagi kementerian telah memperluaskan kegiatan CSR antara agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk sama-sama membantu membuat baik pulih terhadap tabika- tabika dan taska KEMAS yang dikenalpasti memerlukan kos yang tinggi dalam membuat baik pulih.

20. Pada tahun ini sahaja sebanyak 94 buah tabika diterima permohonan untuk dibaikpulih secara CSR, dan sehingga hari ini kita telah selesai membuat baikpulih sebanyak 72 buah tabika, Bilangan Ini tidak termasuk sebanyak 324 buah tabika dan taska yang telah selesai dibaikpulih menggunakan peruntukan mengurus sebanyak RM6,830,000.00. Manakala sebanyak RM1,000,000 tambahan diperuntukan untuk membuat 63 buah lagi baikpulih tabika.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

INSENTIF KERAJAAN :

BANTUAN GERAN PER KAPITA (GPK)

21. Kerajaan melalui KEMAS turut menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk Geran Per Kapita (GPK) kanak-kanak di mana ianya digunakan untuk membeli Buku Aktiviti Kanak-Kanak, bahan Pengajaran dan pembelajaran, mengadakan lawatan pendidikan ke tempat yang boleh menambah pengetahuan dan pengalaman kepada anak-anak serta menyelenggara/pembaikan kecil (seperti membaiki komputer, alat bahan pembelajaran dan pengajaran).

22. Kanak-kanak dari keluarga termiskin dan miskin, turut diberikan bantuan berupa pakaian segaram, pakaian sukan, beg sekolah, peralatan mandi, tuala dan selimut. Sumbangan ini bertujuan meningkatkan bilangan anak-anak daripada keluarga yang kurang mampu mendapat pendidikan prasekolah tanpa membebankan perbelanjaan keluarga.

BANTUAN MAKANAN TAMBAHAN

23. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan untuk keperluan makanan tambahan kanak-kanak Tabika dengan kadar RM2.00 seorang sehari bersekolah bagi anak-anak di semenanjung dan RM2.25 seorang sehari bagi kanak-kanak di Sabah, Sarawak dan Labuan. Manakala kadar RM3.00 sehari seorang bagi kanak-kanak Taska PERMATA KEMAS. Untuk program ini sebanyak RM100 juta telah diperuntukan oleh kerajaan bagi tahun 2017.

24. Bagi mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini. Semoga kita semua mendapat rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

Sekian, saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**. Sekian, terima kasih.